KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

CANANG

Februari 2021

Bangsa yang merdeka, tidak boleh lalai atau lambat bertindak, kerana persekitaran bukan statik, tetapi cepat berubah, dan perubahan itulah namanya 'perkembangan'.

Bangsa merdeka, mesti mengikuti perkembangan dan mencipta kemajuan. Kemajuan itu terbahagi dua:
Kemajuan fizikal dan kemajuan spiritual.

Kemajuan fizikal dicapai dengan teknologi dan tulang empat kerat,
sementara kemajuan spiritual pula digarap dengan belajar dan praktikal ibadat.

Inilah cara kita mengisi kemerdekaan, iaitu dengan menjana kemajuan fizikal, sejajar dengan kemajuan spiritual.
Kedua-duanya mesti berjalan seiring untuk memenuhi tuntutan negara.

Petikan Titah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,

Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-37, TAHUN 2021

	Bentuk 7 kelopak bunga melambangkan 7 puak Melayu Brunei yang bersatu dalam menjayakan agenda pembangunan negara melalui strategi Wawasan Brunei 2035.
	Di luar bentuk bunga melambangkan rakyat dan penduduk yang sentiasa sedia untuk melengkapkan diri mereka dengan ilmu dan kemahiran, bersedia berperanan dalam pembangunan negara termasuk meningkatkan daya saing, inovatif dan kreatif dalam segenap aspek pembangunan ekonomi, politik dan sosiobudaya dalam arus cabaran sejagat.
	Bentuk empat segi disekeliling bunga tersebut mencerminkan generasi pewaris yang cemerlang, berdaya tahan dan berkemahiran tinggi, serta segenap sektor dalam pembangunan negara berperanan dalam memastikan Wawasan Brunei 2035 tercapai dan berjaya.
	Panji-panji ditengah menandakan negara berteraskan falsafah negara Melayu Islam Beraja dan kekal menjadi sebuah negara Zikir.
37 ٣٧	Angka 37 dalam tulisan jawi dan rumi yang membawa makna negara Brunei Darussalam sudah 37 tahun menjadi negara yang merdeka dan berdaulat.

37 ٣٧

منجاياكن واوسن نكارا

MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA

23 FEBRUARI 2021

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA MANGSA BENCANA KEBAKARAN

Selasa, 02 Februari 2021
Bilik Kunjungan,
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui peruntukan Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada kepada mangsa kejadian kebakaran rumah di Kampung Madang, Daerah Brunei dan Muara yang terjadi pada 27 Januari 2021.

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA MANGSA BENCANA KEBAKARAN

Sabtu, 06 Februari 2021
Bilik Kunjungan,
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui peruntukan Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada kepada mangsa kejadian kebakaran rumah di STKRJ Kampung Lambak Kiri, Daerah Brunei dan Muara yang terjadi pada 30 Januari 2021.

KUNJUNGAN HORMAT

TUAN YANG TERUTAMA JOHN VIRGOE
PESURUHJAYA TINGGI BRITISH
KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rabu, 03 Februari 2021
Bilik Kunjungan,
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

KUNJUNGAN HORMAT

MR. STANLEY LOH KA LEUNG,
SETIAUSAHA TETAP KEDUA,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SOSIAL
REPUBLIK SINGAPURA

Sabtu, 20 Februari 2021
Bilik Kunjungan,
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

KUNJUNGAN PERPISAHAN

TUAN YANG TERUTAMA MEHMET SUAT AKGUN
DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK REPUBLIK TURKI
KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Sabtu, 20 Februari 2021
Bilik Kunjungan,
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Pameran Lukisan dan Bazar Seni Impiana #2.0

Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari selaku tetamu kehormat majlis merasmikan pameran.

01
FEBRUARI
ISNIN

Kompleks Membeli-belah Mabohai, Jalan Kebangsaan, BANDAR SERI BEGAWAN – Pameran Lukisan dan Bazar Seni Impiana #2.0 yang mempamerkan lebih 230 buah karya seni pelbagai genre dihasilkan oleh 11 orang pelukis tanah air yang terdiri daripada sembilan orang pelukis veteran dan dua orang lagi pelukis muda (belia) wanita.

Acara yang akan berlangsung sehingga 28 Februari itu, merupakan satu kegiatan seni lukis berteras dan berpaksikan calak Melayu Islam Beraja, antaralainnya diadakan untuk mempromosikan Kenali Negara Kitani (KNK) melalui lukisan agar masyarakat lebih dekat dan peka dengan negara sendiri melalui pengamatan mereka kepada hasil karya seni yang relevan pada pameran tersebut serta memperkasa produk seni pelukis-pelukis tanah air dan pengusaha kraf tangan tempatan.

MESYUARAT RETREAT PEGAWAI-PEGAWAI KANAN TONGGAK KOMUNITI SOSIO-BUDAYA ASEAN (SOCA)

08
FEBRUARI
ISNIN

Dewan Persidangan Antarabangsa, BANDAR SERI BEGAWAN - Mesyuarat Retreat Pegawai-Pegawai Kanan Tonggak Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (SOCA) yang diadakan secara persidangan video antara lain bertujuan bagi membincangkan bidang-bidang keutamaan dan 'deliverables' Tonggak Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) Bagi Tahun 2021.

ASCC merupakan salah satu daripada tiga tonggak di bawah Majlis Komuniti ASEAN. Retreat ini merupakan Mesyuarat Pertama Pegawai-Pegawai Kanan (SOCA) tahun ini yang turut dihadiri oleh Sekretariat ASEAN.

Di bawah tema kepengerusian Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi ASEAN 2021, 'We Care, We Prepare, We Prosper', Ketua-Ketua SOCA bersetuju bagi memfokuskan ke arah memperkukuhkan peranan ASCC, khususnya melalui kerjasama 'inter-pillar' dan 'cross-sectoral' dengan mengekalkan 'ASEAN's Centrality'.

Ini akan dilaksanakan melalui mekanisme yang dipandu oleh ASEAN (ASEAN-led mechanisms) dalam semangat komuniti yang melibatkan dan memberikan manfaat kepada rakyatnya serta ke arah masyarakat yang prihatin, bersedia dan sejahtera dalam setiap tindakan.

Mesyuarat tersebut juga menekankan semula komitmen ASEAN untuk terus meningkatkan usaha serantau ke arah mengurangkan impak pandemik COVID-19, dengan melaksanakan 'ASEAN Comprehensive Recovery Framework' dan susulan cadangan-cadangan 'Mid-Term Review of the ASCC Blueprint 2025' iaitu ke arah meningkatkan kedayatahanan dan kelestarian masyarakat.

Di antara bidang-bidang keutamaan yang dibincangkan adalah peningkatan kefahaman khususnya dalam kalangan rakyat ASEAN dan pemerkasaan mereka yang termasuk memperkukuhkan lagi perlindungan sosial, pembangunan belia dan mengembangkan agenda berkaitan perubahan iklim.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) selaku Sekretariat Kebangsaan Tonggak ASCC diketuai oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, selaku Ketua SOCA bagi NBD yang juga merupakan pengerusi bagi mesyuarat tersebut.

Mesyuarat turut dihadiri oleh Ketua-Ketua SOCA dan delegasi negara-negara ASEAN serta Timbalan Setiausaha Agung ASEAN bagi ASCC, Tuan Yang Terutama Kung Phoak dan Pegawai-pegawai Sekretariat ASEAN yang berkaitan.

Wakil-wakil kebangsaan daripada badan-badan sektoral ASCC juga turut menghadiri mesyuarat tersebut. Mesyuarat juga membincangkan persediaan SOCA bagi Mesyuarat Ke-25 Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (25th ASCC) dan Mesyuarat-mesyuarat SOCA / ASCC serta acara-acara yang berkaitan, yang akan diadakan pada bulan Mac 2021.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN BERSEMPENA 100 HARI KEMANGKATAN AL-MARHUM DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA HAJI 'ABDUL 'AZIM IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir selaku tetamu kehormat.

08
FEBRUARI
ISNIN

Dewan Kemasyarakatan, Jalan 77, Rancangan Perumahan Negara Kampung Lambak Kanan, **LAMBAK KANAN -** Sebagai tanda kasih sayang dan taat setia ahli-ahli PKWE DBM kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seramai 32 ahli Pusat Kegiatan Warga Emas, Daerah Brunei dan Muara (PKWE DBM) mengakhiri bacaan Al-Quran yang telah bermula pada 25 Januari lalu dengan Majlis Khatam Al-Quran 100 Hari Kemangkatan Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Majlis ini diungkayahkan oleh Pengurus dan Penolong-penolong Pengurus, Ahli-ahli Jawatankuasa dan ahli-ahli PKWE serta kerjasama dari Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) inisiatif memperingati Kemangkatan Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, disamping memperingati jasa Al-Marhum DYTM yang merasmikan pusat berkenaan pada 13 Mei 2013.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Saidah binti Haji Wahid @ Burut dan Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

MAJLIS SUMBANGAN BANTUAN PENDIDIKAN

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian sumbangan.

12
FEBRUARI
JUMAAT

Dewan Darul Imtiyaz, Pusat Bahagia Brunei dan Muara, BANDAR SERI BEGAWAN, - Syarikat Total E&P Borneo B.V dalam komitmen Tanggungjawab Sosial Korporatnya khususnya kepada kanak-kanak yang memerlukan, telah mengadakan Majlis Sumbangan Bantuan Pendidikan berbentuk baucar barang keperluan, berjumlah BND100 kepada 50 kanak-kanak yang berdaftar di Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Pemberian bantuan itu antara program-program Tanggungjawab Sosial Korporat syarikat tersebut untuk menyumbang kepada komuniti dan sama-sama memikul tanggungjawab serta memeduli kebajikan dan kesejahteraan golongan yang memerlukan di Negara Brunei Darussalam secara aktif.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan) dan Timbalan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Total E&P Borneo B.V, Mr. Nicholas Wawresky; juga Pegawai-pegawai Kanan daripada Syarikat Total, JAPEM dan KKBS.

LATIHAN PERBARISAN BERSEPADU ***@Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas, 16.02.2021***

RAPTAI PENUH ***@Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, 17.02.2021***

RAPTAI PENUH ***@Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, 20.02.2021***

سمبوتن اولغ تاهون
هاري كبڠسائن نكارا بروني دارالسلام
ك-٣٧, تاهون ٢٠٢١

SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-37, TAHUN 2021

KIBARKANLAH BENDERA KEBANGSAAN DAN BENDERA PERIBADI

37 ٣٧
منجاياكن واوسن نكارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 FEBRUARI 2021

BERMULA 4 REJAB
HINGGA 13 REJAB 1442H
BERSAMAAN
16 HINGGA
25 FEBRUARI 2021M

37

Diterbitkan oleh
Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

InfoDeptBN
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn

UPACARA MENAIKKAN BENDERA BESAR @ 16.02.2021

MAJLIS PELANCARAN HASHTAG GERGASI NBD37 @ 16.02.2021

MAJLIS PENGAGIHAN BENDERA KECIL MEJA DAN PROGRAM SEMARAK PENGIBARAN BENDERA @ 16.02.2021

UPACARA MENURUNKAN BENDERA BESAR @ 25.02.2021

37 ٣٧

منجاياكن واوسن نكارا

MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA

23 FEBRUARI 2021

37 ٣٧
منجاياكن واوسن نكارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 FEBRUARI 2021
سمبوتن اولغ تاهون
هاري كبغساءن
نكارا بروني دارالسلام
ك-٣٧، تاهون ٢٠٢١
Sambutan Ulang Tahun
Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam
Ke-37, Tahun 2021

Hadir selaku tetamu kehormat dan melancarkan festival tersebut, Menteri Kebudayaan,Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin

19
FEBRUARI
JUMAAT

***Aras Bawah, Kompleks Annajat, BERIBI*, -** AIZ Management dengan sokongan ATHA Sdn. Bhd. mengadakan 'Aming Gunawan Street Food Fest' bersempena dengan bulan 'Februari : Stay Strong Brunei'. Majlis juga diselajurkan diteruskan dengan penyampaian derma kepada 11 anak yatim dari Sekolah Menengah Awang Semaun yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pesta yang mengetengahkan 'Konsep Makanan Jalanan dan jualan produk tempatan' dihasratkan dapat membukakan peluang kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan untuk aktif dalam industri makanan dan minuman, lebih-lebih lagi pada hujung minggu. Dalam masa yang sama, ia juga untuk membangunkan generasi muda dalam kemahiran profesional dan kepelbagaian sosio-ekonomi dalam mengurangkan jurang kemiskinan dalam negara. Malah ia merupakan jalan bagi para pengunjung tempatan dan warga asing untuk melihat budaya menerusi industri makanan dan minuman, dan juga kepelbagaian PMKS Negara Brunei Darussalam.

26
FEBRUARI
JUMAAT

***Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Lambak Kiri BANDAR SERI BEGAWAN* -** Lebih 270 jemaah terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, pegawai-pegawai kerajaan, persatuan dan pergerakan belia; belia-belia masjid serta penduduk sekitar Kampung Lambak Kiri menghadiri Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid yang diungkayahkan kali ini sebagai salah satu acara di dalam Festival Hari Kebangsaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, Tahun 2021.

Hadir pada program tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku tetamu kehormat. Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Atur cara majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah yang diimamkan oleh Awang Muhammad Wafiuddin bin Muhammad Wajeeh dan diikuti dengan Tazkirah Subuh bertajuk 'Belia dan Semangat Patriotisme' yang disampaikan oleh Penceramah Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan Pengarah Pengurusan Al-Minhaj Centre, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak. Program juga turut diserikan dengan bacaan Surah Al-Kahfi dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Ketua Belia Masjid, Awang Muhammad Nabil Waqiuddin bin Haji Muhammad dan diakhiri dengan Sembahyang Sunat Dhuha.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap, KKBS, Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan), KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said serta pegawai-pegawai kanan KKBS.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN PKBN BAGI TAHUN 1421H/2021M
BAGI PELATIH-PELATIH PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN) PENGAMBILAN KE-10

Seramai 233 orang pelatih-pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-10 telah diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran PKBN tidak termasuk 14 orang yang bukan beragama Islam.

26
FEBRUARI
JUMAAT

Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, TEMBURONG - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut memimpin bacaan Surah Al-Fatihah dalam Majlis Khatam Al-Quran PKBN bagi tahun 1421H/2021M bagi pelatih-pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan ke-10.

Majlis diteruskan dengan bacaan-bacaan Khatam Al-Quran beramai-ramai dan Takhtim yang diketuai oleh Pelatih 12721 Muhammad Dhiya Urhahman bin Abdullah dari Platun 6. Manakala Dikir Marhaban diketuai oleh Penolong Pegawai Keugamaan PKBN, Awang Muhammad Taufik bin Haji Noor Hamizan dan diakhiri dengan bacaan Doa Penutup yang disempurnakan oleh Pelatih 12784 Muhamad Syahmi bin Mohamad Shah dari Platun 8.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kemudiannya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para pelatih lelaki, manakala Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kemasyarakatan) KKBS menyampaikan sijil-sijil bagi pelatih perempuan.

Turut hadir pada majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok; Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan), KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim; Pemangku Pengarah Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN), Mejar (B) Haji Mohammad bin Dollah selaku Pengerusi Majlis dan pegawai-pegawai kanan KKBS.

FESTIVAL FASHION WITH STYLE

Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said hadir menyempurnakan perasmian festival tersebut.

26
FEBRUARI
JUMAAT

Tingkat 2, Ruang, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), BANDAR SERI BEGAWAN – Lebih 20 usahawan tempatan menyertai Festival Fashion with Style, satu acara penjualan yang diusahakan sendiri oleh belia-belia tempatan bagi mengetengahkan produk-produk fesyen yang dimajukan oleh mereka sendiri. Barangan fesyen ini adalah industri dinamik yang juga memainkan peranan penting khususnya dalam pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD).

Selain itu, festival ini juga berobjektif utama untuk menyatukan usahawan-usahawan belia muda di bawah satu bumbung sekaligus mengeratkan lagi jaringan keusahawanan belia dalam menyahut seruan kerajaan kerah meralisasikan wawasan negara.

Menandatangani MoU tersebut bagi pihak KKBS, Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, manakala mewakili Shell LiveWIRE Brunei Sendirian Berhad, Pengerusi syarikat tersebut, Dayang Hajah Rosita binti Hassan.

27
FEBRUARI
SABTU

Dewan Dewan Binadiri, Pusat Pembangunan Belia (PPB), TANAH JAMBU - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terus mengembangkan rangkaian rakan-rakan strategik dalam pelbagai bidang kerjasama dengan memetrai Memorandum Persefahaman bersama Shell LiveWIRE Brunei Sendirian Berhad.

Dalam usaha mendukung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai penggunaan pendekatan Whole of Nation untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat, terutama sekali dalam menyahut Revolusi Industri Ke-4 (4IR), Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) akan mengukuhkan lagi kerjasama strategik di antara pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bersama rakan-rakan strategik dalam bidang-bidang tertentu selaras dengan salah satu objektif strategik, yang terkandung di dalam Pelan Strategik KKBS 2020 - 2024, iaitu 'Meningkatkan Kerjasama Strategik melalui Pendekatan Seluruh Negara'.

Penandatanganan MoU KKBS bersama Shell LiveWIRE Brunei ini antaralain bertujuan untuk meningkatkan lagi kerjasama bagi mendapatkan khidmat pakar khususnya dalam bidang keusahawanan ke arah menggalakkan penglibatan dan meningkatkan potensi belia dalam keusahawanan, sekali gus sebagai usaha untuk mengembangkan rangkaian usahawan-usahawan belia.

Melalui persefahaman ini juga diharapkan untuk menggunakan secara optima Pusat Pembangunan Belia (PPB), KKBS sebagai platform dan sebuah pusat dan wadah dalam memeduli belia dan komuniti secara inklusif dengan memberikan ilmu, pengetahuan dan kemahiran selaras dengan kehendak pasaran. Disamping itu, melahirkan model insan yang kompeten dan mempunyai kebolehpasaran, iaitu memperoleh pekerjaan, berkecimpung dalam keusahawanan mahupun melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyaksikan penandatanganan memorandum persefahaman berkenaan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan Setiausaha Tetap; Pengarah-pengarah; Ketua-ketua Jabatan; Pegawai -pegawai Kanan dari KKBS; dan Pegawai-pegawai Kanan dari Shell LiveWIRE Brunei Sendirian Berhad.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pelancaran buku tersebut.

MAJLIS PELANCARAN BUKU 'ANTALOGI SAJAK BINGKISAN PANDEMIK COVID-19'

26
FEBRUARI
JUMAAT

Sekolah Chung Hwa Tutong, TUTONG - Badan Kesenian dan Kebudayaan (B2K) Daerah Tutong mengadakan Majlis Pelancaran Buku 'Antologi Sajak Bingkisan Pandemmik COVID-19' hasil karya 13 penulis dari Daerah Tutong.

Penerbitan ini adalah antara usaha B2k untuk sama-sama membantu pihak kerajaan bagi menyedarkan orang ramai akan langkah-langkah keselamatan dan SOP bagi membendung penularan wabak COVID-19 dan sebagai sokongan moral kepada para petugas barisan hadapan, yang menjalankan tugas tanpa mengenal penat dan lelah.

Buku ini juga merupakan sumbangan penulis dunia sastera dalam membina tamadun bangsa, di samping sama-sama memerangi COVID-19.

Ketua Bahagian Bahasa dan Sastera B2K Tutong selaku Pengerusi Majlis, Dr. Chong Ah Fok, dalam ucapannya berkata, buku tersebut merupakan buku ke-11, yang berjaya diterbitkan oleh B2K sejak tahun 2006 hingga sekarang.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir menyempurnakan pelepasan larian menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang.

BRUNEI SCOUT

CHARITY RUN 2021

28
FEBRUARI
AHAD

Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, BANDAR SERI BEGAWAN - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) buat julung kalinya menganjurkan Brunei Scout Charity Run 2021 bagi sama-sama memeriahkan dan menyemarakkan lagi Festival Hari Kebangsaan NBD Ke-37. Sebanyak tiga kategori larian dibukakan, iaitu Kategori 15 kilometer (km) bagi Kelana Race; Kategori 5 km bagi Kelana Race; dan Kategori 2 km pula bagi Fun Walk.

Selain untuk meningkatkan dana bagi latihan program dan aktiviti untuk anggota PPNBD di Persatuan Pengakap Daerah Brunei dan Muara, larian tersebut juga memberikan peluang kepada orang ramai untuk lebih mengetahui secara mendalam terhadap program-program serta aktiviti yang dianjurkan oleh PPNBD sebagai sebuah persatuan yang versatil dengan misi untuk membangun dan memperkasakan belia di Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk mendidik ahli-ahlinya memainkan peranan yang membina dalam masyarakat.

Kategori Lelaki 15 km Kelana Race: Juara - Mark Cherryholme, kedua - Awang Shahrul Nazrie dan ketiga - Awang Muhd. Haziq Syazwan.
Kategori Wanita 15 km Kelana Race: Juara - Pacharee Chaitongsri, kedua - Jo Hudson dan ketiga - Yuy Lane.

Kategori Lelaki 5 km Kelana Race: Juara - Awang Shazwi Iman, kedua - Awang Muhammad Samsul dan ketiga - Awang Muhammad Zaim,
Kategori Wanita 5 km Kelana Race: Juara - Cecilia Maksimon , kedua - Dayang Amirah Zaini dan ketiga - Lily Ella Hudson.

Turut hadir, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Yang Dipertua PPNBD, Awang Haji Matussin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba.

Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Pengiran Mohammad A mirrizal bin Pengiran Haji Mahmud hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang.

26
FEBRUARI
JUMAAT

KEJOHANAN PETANQUE TERBUKA KEBANGSAAN

SEMPENA HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE37, TAHUN 2021

JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Disediakan oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan,
Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam

MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 07 Rejab 1442H/ 19 Februari 2021M

01 Januari 1984

- Tarikh bermula Brunei mengambil alih tanggungjawab antarabangsa sepenuhnya
- Negara Brunei Darussalam rasmi menjadi sebuah negara yang penuh daulat lagi merdeka

Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam



Wawasan 2035

Hasrat negara bagi memastikan akan:

- Rakyat yang berpendidikan tinggi, berkemahiran dan berjaya
- Kehidupan yang berkualiti
- Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan

Tema: Menjayakan Wawasan Negara

Apa yang kita boleh buat bagi mencapai Wawasan 2035?

- Menanam semangat cinta kepada agama, raja dan bangsa
- Taat setia kepada raja dan negara
- Menjunjung agama Islam dengan penuh iltizam
- Mengambil peranan dan menjadikan diri kita sebagai aset berguna untuk membangun negara

Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaasin dan Doa Kesyukuran Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-37 Tahun

Isnin (petang)
10 Rejab 1442H/ 22 Februari 2021M

Masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara

Tumpuan utama:
Masjid Omar Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan

Tim Penerbitan Unit Perhubungan Awam *Penyunting & Penyemak*, Unit Perhubungan Awam *Perwajahan dan Aturhuruf* Unit Perhubungan Awam

Jurufoto Hajah Ajijah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh.